

1223/2  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 2  
Oktober  
2010  
1 2/3 jam



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

---

---

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN  
TINGKATAN EMPAT 2010**

---

---

**PENDIDIKAN ISLAM**

**KERTAS 2**

Satu jam empat puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Soalan hendaklah dijawab pada kertas jawapan yang disediakan.*

---

*Disediakan oleh:*

**GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai oleh:*

**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak Oleh:*

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

Jawab semua soalan

## 1. (a) Firman Allah SWT

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَرَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَّرَ بِمَهْ أَن تُبْسَلَ نَفْسُهُ  
بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ هَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٍّ وَلَا شَفِيعٍ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا  
أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾  
(سورة الأنعام : ٧٠)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan perbuatan mempersendakan agama Islam.

- Nyatakan dua ciri orang yang mempersendakan agama. [4 markah]
- Jelaskan dua hikmah mengamalkan ajaran Islam dengan ikhlas. [4 markah]
- Berdasarkan ayat di atas, nyatakan balasan Allah SWT kepada orang yang mempersendakan agama. [2 markah]

## (b) Sabda Rasulullah SAW

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنْ اللَّهُ تَعَالَى  
طَبَّ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ  
كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا . وَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا  
رَزَقْنَاكُمْ ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ : يَا رَبُّ يَا  
رَبُّ يَا وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغَدَى بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ .  
(رواه البخاري)

Hadis di atas menegaskan tentang tuntutan menjaga makanan, minuman dan pakaian.

- Terangkan garis panduan berpakaian menurut Islam. [2 markah]
  - Jelaskan dua kelebihan mematuhi tuntutan tersebut. [4 markah]
- (c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertib. Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ	(1)
الَّذِينَ يَرْتُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ	(2)
وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ	(3)
أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ	(4)

(سورة المؤمنون : ٨ - ١١)

[4 markah]

## 2. (a) Firman Allah SWT

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ ضَلَّهُ جَعَلَ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا  
كَأَنَّمَا يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾  
(سورة الأنعام : ١٢٥)

Ayat di atas menjelaskan perbezaan antara orang yang mendapat hidayah dengan orang yang tidak mendapat hidayah.

(i) Nyatakan maksud perkataan bergaris : [2 markah]

يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ

(ii) Jelaskan dua cara memperoleh hidayah. [4 markah]

(iii) Nyatakan dua tanda orang yang mendapat hidayah Allah SWT. [2 markah]

## (b) Sabda Rasulullah SAW

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا تَحَاسَدُوا  
وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ  
إِخْوَانًا . . . (مرواه مسلم)

Potongan hadis bergaris di atas mengingatkan kita bahawa berjual beli di atas jualan orang lain merupakan salah satu larangan Allah SWT.

(i) Nyatakan dua sebab Islam melarang perbuatan tersebut. [4 markah]

(ii) Jelaskan dua pengajaran daripada potongan hadis di atas. [4 markah]

(c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya dikehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam al-Quran.

A	B	C	D
وَهِنَ عَلَىٰ وَهْنًا	الْمَصِيرِ	بِوَالِدَيْهِ	أَنْ أَشْكُرَ لِي

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ (i) حَمَلَتْهُ أُمُّهُ (ii) وَفَصَّلَهُ فِي عَامَيْنِ (iii) وَلِوَالِدَيْكَ  
إِلَى (iv) ﴿١٤﴾ (سورة لقمن : ١٤)

[ 4 markah ]

## 3 (a) Firman Allah SWT

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغَىٰ رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾  
(سورة الأنعام : ١٦٤)

Ayat di atas menjelaskan bahawa manusia bertanggungjawab terhadap perbuatan masing-masing.

- (i) Apakah tujuan Allah SWT memberi balasan kepada setiap perbuatan manusia? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua akibat sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang murid [4 markah]
- (iii) Jelaskan dua pengajaran yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. [4 markah]

## (b) Sabda Rasulullah SAW.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : . . . الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ وَلَا يَكْذِبُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ ، التَّقْوَىٰ هَهُنَا وَيُشِيرُ إِلَىٰ صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ بِحَسَبِ أَمْرٍ مِنْ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ . كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعَرْضُهُ  
(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan perbuatan negatif yang dilarang oleh Rasulullah SAW kerana boleh menyebabkan perpecahan dalam masyarakat.

- (i) Nyatakan empat contoh perbuatan tersebut. [4 markah]
  - (ii) Jelaskan konsep persaudaraan dalam Islam. (المُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ) [2 markah]
- (c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertib. Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ ۖ وَمَنْ يَشْكُرْ	(1)
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ	(2)
فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ	(3)
وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ	(4)

(سورة لقمن : ١٢)

[4 markah]

## 4 (a) Firman Allah SWT

(سورة المؤمنون : ٤)

وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾

Maksudnya : " Dan mereka yang mengeluarkan zakat ."

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan zakat? [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua perbezaan antara zakat dengan sedekah. [4 markah]
- (iii) Jelaskan dua peranan zakat dalam meningkatkan taraf hidup umat Islam. [4 markah]

(b) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan. Anda dikehendaki menulis nombor berserta jawapan sahaja.

Iklab	Mad Wajib Muttasil	Wajibal Ghunnah	Idgham Mislain	Mad Silah Tawilah
-------	--------------------	-----------------	----------------	-------------------

(i)	وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ	(iii)	وَمَا تَأْتِيهِمْ مِنْ آيَةٍ
(ii)	فَلَا كَاشِفَ لَهَا إِلَّا هُوَ	(iv)	وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ

[4 markah]

(c) Tulis semula perkataan yang bergaris di bawah dengan tulisan jawi

Pada minggu lepas, Kementerian Pelancongan melancarkan kempen 1 Malaysia Bersih, 1 Malaysia Hijau bertujuan untuk memupuk semangat cintakan keindahan dan kebersihan di kalangan rakyat Malaysia. Ia diadakan sebagai satu lagi inovasi sektor itu untuk meningkatkan kesedaran tentang implikasinya terhadap industri tersebut jika tempat-tempat pelancongan kotor dan tidak diurus dengan sempurna.

[ 6 markah ]

## 5. (a) Firman Allah SWT

يَبْنِي أَقِيمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ  
الْأُمُورِ

(سورة لقمن : ١٧)

Ayat di atas menjelaskan tentang nasihat Luqman kepada anaknya.

- (i) Nyatakan nasihat Luqman selain daripada "*sabar menghadapi dugaan*". [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua contoh yang menunjukkan anda mengamalkan sifat sabar ketika berdakwah di sekolah. [4 markah]
- (iii) Terangkan dua akibat tidak mengamalkan sifat sabar. [4 markah]
- (b) Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris. Anda dikehendaki menulis nombor berserta jawapan sahaja.

(i) مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ

(ii) تَجْرِي مِنْ حَتِّهِمْ

(iii) حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُمْ

[6 markah]

(c) Tuliskan semula pernyataan di bawah dengan tulisan rumi:

- (i) منکفکن امر معروف نهی منکر اداله کواجیفن ستیاف اورغ اسلام
- (ii) بر فیکیر بر اساسکن القرآن دان السنة دافت ممبیداکن انتارا حق دان باطل
- (iii) افایلا ایو باف تله توا، کیت هندقله منجاک مریک دغن سباءیق- باءیقن
- (iv) موده دماینکن دان ساءیز کلغکغ یغ کچیل مپبکن فوتسل منجادی فیلیهن رماج

[4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

